



Submission date: 04/05/2019

Accepted date: 18/08/2019

**PENERAPAN PENDEKATAN PENDIDIKAN  
BERASASKAN QALBU DALAM PEMBELAJARAN  
ABAD KE-21: CABARAN DAN HARAPAN**

***Application of the Qalbu-Based Education Approach in 21<sup>st</sup> Century Learning:  
Challenges and Hopes***

Amir Mohd Nason,  
Institut Pendidikan Guru  
Kampus Sultan Abdul Halim.

Mohd Shukri Hanapi  
Universiti Sains Malaysia

amir@ipsah.edu.my

**Abstrak**

Makalah ini bertujuan membincangkan cabaran dan harapan terhadap usaha penerapan pendekatan pendidikan berasaskan qalbu dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK21). PAK21 ialah suatu konsep yang menjadi elemen penting Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menekankan lima daripada enam aspirasi murid yang menyentuh pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Pendidikan berasaskan qalbu pula menekankan keperluan menerap kelima-lima elemennya iaitu kasih sayang, menyelami kehendak murid, pengamalan sunnah, kesucian jiwa dan keberkatan ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penerapan ini boleh berlaku sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Pengurusan etika dan kerohanian perlu beragenda agar dapat memberi impak bermakna terhadap kejayaan akademik. Penglibatan guru diperlukan dalam mengaplikasikan elemen pendidikan berasaskan qalbu agar kejayaan tidak hanya diukur pada pencapaian akademik, tetapi turut mengutamakan etika dan kerohanian yang membentuk diri pelajar yang lebih kompeten dan berdaya tahan. Kajian kualitatif ini menemukan empat cabaran utama iaitu, tujuan dan matlamat pendidikan, kelompongan dalam penerapan elemen utama FPK, kebergantungan terhadap teori dan psikologi Barat dan usaha penerapan pendidikan berteraskan Islam. Harapan untuk melihat sistem pendidikan di Malaysia ini bersifat holistik dan mengutamakan pencapaian menyeluruh sebagai satu harapan

yang perlu disusuli dengan usaha yang kuat melalui proses penerapan pendidikan berasaskan qalbu dalam PAK21.

Kata Kunci: Pendidikan berasaskan qalbu, pembelajaran abad ke-21, cabaran, harapan.

### **Abstract**

This working paper discusses the challenges of applying the Qalbu-based education approach in 21<sup>st</sup> century (PAK-21) learning. The PAK-21 concept is the main element in Malaysia's Education Development Plan (PPPM). It emphasises on knowledge, which is one of six aspirations held by students, besides, thinking skills, leadership skills, ethics and spirituality and national identity. Qalbu-based education stresses the need to assimilate or apply, either directly or indirectly, five elements, namely love, understanding students' needs, practicing the Sunnah, a pure soul and knowledge in the teaching and learning process. Ethical and spiritual management must have an agenda in order to meaningfully impact academic success. The involvement of teachers is vital when applying Qalbu-based education elements because its success is measured according to academic achievements, ethics and spirituality, which forms a more competent and resilient student identity. Findings indicated four main challenges, namely the aim and objective of education, the gap in applying the main element in the Philosophy of National Education, dependence on Western theories and psychology as well as the application of Islamic-based education. The realisation of a truly holistic Malaysian education system that prioritises overall achievement should be pursued with strong intent and determination. One of these efforts is through a Qalbu-based education empowerment process embedded in 21<sup>st</sup> century learning.

Keywords: *Qalbu-based education, 21<sup>st</sup> century learning, challenges, hope.*

### **PENDAHULUAN**

Secara umumnya, pembelajaran abad ke-21 merupakan satu dimensi baru dalam dunia pendidikan. Sistem pendidikan sentiasa bersifat dinamik. Ia terdedah kepada penambahbaikan dan perubahan ke arah yang positif. Impak yang paling jelas ialah perubahan kaedah, cara dan pendekatan pengajaran yang perlu diambil oleh guru-guru. Keadaan ini didorong oleh kedinamikan situasi pada masa kini yang telah merubah proses pengajaran dan kesannya terhadap kaedah pembelajaran murid-murid. Maka, keadaan ini memberi pengaruh yang besar kepada pelaksanaan kurikulum pendidikan yang disediakan bagi memacu proses kemenjadian murid.

## **PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Pembelajaran abad ke-21 ialah proses pembelajaran berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen komunikasi memperlihatkan berlakunya interaksi antara guru-murid, murid-murid dan murid-bahan secara lisan dan bukan lisan bagi menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan. Manakala kolaboratif pula, berlaku kerjasama dan muafakat antara guru-murid dan murid-murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid. Pemikiran kritis pula, akan berlaku penerokaan pemikiran untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Bagi elemen kreativiti pula, berlaku proses penjanaan idea yang menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baharu, unik, berguna dan berkualiti. Bagi elemen nilai murni dan etika pula, murid akan diberi penerapan dan pemupukan nilai murni dan etika ke arah pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.

Dengan itu, tujuan pembelajaran abad ke-21 ini diperkenalkan dan dilaksanakan adalah untuk melihat keberhasilan pendidikan yang diterjemahkan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti. Sebagai sebuah negara membangun dan sedang bergerak ke arah wawasan negara maju, Malaysia amat memerlukan modal insan yang berkualiti yang lahir dari sistem pendidikan dan guru yang berkualiti. Amanah ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu dihayati oleh semua warga pendidik terutama guru-guru di bilik darjah. Peranan dan komitmen mereka amat diperlukan dan malah tugas menjadi semakin mencabar dengan keperluan pembelajaran Abad ke-21. Guru yang berkualiti pula dan bersedia menghadapi cabaran menjadi sandaran Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti dihasrat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (KPM, 2015).

Menurut Abdul Halim Abdullah (2015), Kementerian Pendidikan Malaysia sangat komited dalam memastikan pencapaian pelajar Malaysia dalam Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS). Satu di antara enam inisiatif yang digariskan oleh KPM untuk mencapai TIMSS ini ialah dengan meningkatkan kemahiran pedagogi abad ke-21 yang merupakan salah satu di antara ciri guru dalam pendidikan abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menggariskan enam ciri guru abad ke-21. Pertama, menguasai subjek iaitu kandungan kurikulum. Kedua, mahir dan berketerampilan dalam pedagogi. Ketiga, memahami perkembangan pelajar dan menyokong mereka. Keempat, memahami psikologi pembelajaran. Kelima,

memiliki kemahiran kaunseling, dan keenam, menggunakan teknologi terkini (Buletin Anjakan, 2015). Pembelajaran dan pengajaran abad ke-21 diperkenalkan sejajar dengan perlaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Abdul Halim Abdullah, 2015).

## PENDIDIKAN BERASASKAN QALBU

Islam menjelaskan bahawa, qalbu atau hati memainkan peranan penting kepada seseorang manusia kerana ia bukan hanya sekadar organ fizikal yang tiada roh, bahkan hati berfungsi dalam membezakan seseorang manusia dengan haiwan (Mohd Norzi Nasir & Ahmad Yani Ismail, 2015).

Terdapat dua alat utama yang digunakan sebagai medium penyampaian maklumat iaitu akal dan qalbu (Nor Hanani Ismail, 2016:15, Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2015:40). Kedua-kedua alat ini membentuk strategi, kaedah dan pendekatan pendidikan akal ke akal, akal ke hati, hati ke akal dan hati ke hati (berasaskan qalbu). Dari keempat-empat kaedah ini, pendidikan berasaskan qalbu menjadi keutamaan untuk diketengahkan. Hal ini kerana kaedah akal ke akal, hati ke akal dan akal ke hati hanya memberi tumpuan kepada ilmu tanpa amal (Muhammad Syukri Salleh, 2001a:27). Perkara ini berbeza dengan kaedah dan pendekatan berasaskan qalbu yang tidak sahaja menumpukan ilmu tetapi juga kepada amalan dan penghayatan ilmu tersebut (Muhammad Syukri Salleh, 2001a:25).

Pendidikan berasaskan qalbu menganjurkan pembersihan hati (*tazkiyah al-nafs*) yang berterusan dan berkekalan (Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2015:48). Menurut Muhammad Syukri Salleh (2001b:19), hati perlu dirawat dengan membuang sifat mazmumah seperti ego, 'ujub dan takabbur. Kemampuan membuang sifat-sifat tercela ini akan melahirkan sifat terpuji dalam diri setiap insan.

Bagi Mohamad Muhammin Mohamad Zaki (2016:94), seseorang guru yang menggunakan hati sebagai pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menyampaikan ilmu kepada para pelajarnya, maka ilmu yang disampaikan itu akan masuk ke hati.

Pendidikan yang menggunakan akal sebagai alat penyampaian dan penerimaan memperlihatkan wujudnya para pendidik dan pelajar yang memisahkan kefasihan ilmu daripada tindakan dan perbuatan (Muhammad Syukri Salleh, 2013:9). Muhammad Syukri Salleh (2013:9) berpendapat bahawa, para pendidik dan pelajar ini mungkin dapat menguasai ilmu, tetapi jarang sekali mengamal dan apatah lagi memperjuangkannya. Bahkan amat janggal jika pelajar yang dididik mengamalkan ilmu sedangkan gurunya pula hanya meletakkan ilmu yang diajar di akalnya dan

gagal untuk menterjemahkan segala ilmunya dalam tindakan, perbuatan dan percakapannya sendiri.

Oleh yang demikian, kesepadan akal dengan hati dan ilmu dengan amal akan menatijahkan kelahiran manusia yang bertakwa, mengabdikan diri kepada Allah SWT dan menjadi kepercayaan Allah SWT di atas muka bumi ini. Ilmu mendidik hati, kemudian hatilah yang mendidik akal. Ilmu itu umpama pembimbing dan amal itu umpama pengikut. Pengikut tanpa pembimbing boleh menyesatkan, manakala pembimbing tanpa pengikut adalah sia-sia. Dengan kesepadan akal dengan hati dan ilmu dengan amal juga, ilmu akan menjadi makanan hati dan akan menghidupkan hati (Muhammad Syukri Salleh, 2001a:27). Muhammad Syukri Salleh (2001a:26) juga menjelaskan bahawa ilmu tidak hanya boleh difahami melalui akal semata-mata, namun harus difahami dengan akal dan juga hati.

Pendidikan berdasarkan qalbu ini sandarannya adalah wahyu yang membentuk konsep tasawur dan epistemologi Islam. Menurut Sayyid Qutb (t.t:43), tasawur Islam diertikan sebagai satu pengertian yang bersifat komprehensif mengenai alam dan hubungan manusia dengannya menurut sudut pandang Islam. Menurut Sayyid Qutb (t.t:39) lagi, tasawur Islam ini datangnya dari Allah SWT dengan ciri dan komponennya. Ia harus diterima oleh manusia sebagai hamba dengan sepenuhnya terhadap semua ciri dan komponen, bukan untuk menambah dan tidak juga untuk mengurangkannya walau sedikit pun. Tugas manusia hanyalah untuk menyesuaikan diri dengannya dan mempraktikkan segala keperluan dalam kehidupannya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan – apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara – (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiap yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata" (al-Ahzab, 33:36).*

Dalam pada itu, tujuan tasawur adalah untuk memberi gambaran yang jelas dan lengkap terhadap prinsip asas Islam secara benar sehingga dapat dijadikan sebagai satu pegangan kepada pandangan hidup serta bersebatи dalam diri orang yang menerima dan memahaminya (Mohd Shukri Hanapi, 2015:59). Menurut Mohd Norzi Nasir dan Ahmad Yani Ismail (2015), pandangan alam Islam terdiri daripada wawasan yang menawarkan penjelasan yang konsisten dan menyeluruh terhadap penciptaan, realiti, alam semesta, kehidupan dan pengalaman manusia. Ia mentakrifkan tanggungjawab manusia di dunia dan ilmu dan bimbingan yang

diperlukan boleh didapati. Ia menerangkan hubungan antara manusia dan dunia lain yang dilihat dan yang ghaib.

Di samping itu, epistemologi pula diertikan sebagai suatu aspek yang menyentuh keaslian dan kesahihan sumber keilmuan yang merupakan dasar dalam pembentukan elemen ilmu yang lain dan wahyu merupakan satu-satunya sumber utama ilmu yang benar (Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mohd Isa Hamzah & Ab Halim Tamuri, 2014:19). Melalui wahyu, umat ini diseru agar menjalankan tugas mereka untuk mendidik dan terdidik. Pendidikan yang berpandukan wahyu akan menghasilkan *output* yakni insan yang memiliki nilai keinsanan yang berkualiti dan seimbang (Maimun Aqsha Lubis, 2015:60). Hal ini diperkuatkan lagi dengan sumber utama agama setelah al-Qur'an iaitu al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas (Nor Hanani Ismail, 2016:9). Epistemologi Islam mengiktiraf dua sumber pengetahuan, pengetahuan yang diperhatikan (*observable knowledge*) dan pengetahuan yang diturunkan (*revealed knowledge*) (Mohd Norzi Nasir & Ahmad Yani Ismail, 2015).

Tasawur dan epistemologi Barat pula sandarannya akal dan persepsi manusia sahaja (Fadzila Azni Ahmad, 2010). Al-Attas (2010:4) turut menegaskan bahawa, Barat menyandarkan kebenaran dan realiti hanya pada tradisi kebudayaan yang didasarkan oleh falsafah yang berhasil daripada rekaan dan agakan, bukannya pada wahyu. Menurut Nor Hanani Ismail (2016:8), pendekatan yang berpaksikan tasawur Barat hanya berasaskan agakan dan persepsi semata-mata. Setiap agakan itu mungkin menjadi benar atau mungkin juga salah. Begitu juga dengan teori yang berhasil dari tasawur Barat yang sentiasa bersifat uji kaji dan boleh disangkal apabila munculnya teori dan penemuan baru. Maka, tasawur dan epistemologi Barat yang digunakan dalam membentuk teori, pendekatan dan kaedah PdP, sudah tentu akan terpesong jauh daripada kehendak dan tujuan pendidikan menurut Islam (Nor Hanani Ismail, 2016:9).

Mohd Norzi Nasir dan Ahmad Yani Ismail (2015) pula menjelaskan bahawa pendidikan semasa yang dibina mengikut acuan Barat telah lama menjadi pegangan dan piawaian di Malaysia dan di seluruh dunia. Bagi Barat, hati bagi tiada peranan dan fungsinya dalam pendidikan kerana Barat mendefinisikan hati hanya sebagai satu organ yang berfungsi untuk mengepam darah keseluruhan badan. Sedangkan Nor Hanani Ismail (2016) mendapat bahawa fungsi hati juga merupakan alat memproses ilmu pengetahuan. Hal ini jelas bahawa Islam amat menitik berat persoalan pendidikan dan hati, bahkan kedua-duanya saling berkait rapat dan tidak dapat dipisahkan. Atas sebab itu, Mohd Norzi Nasir dan Ahmad Yani Ismail (2015) mengajak para sarjana Islam agar tidak terlalu ghairah menggunakan konsep pendidikan beracuan Barat yang jelas menolak peranan qalbu dan hati dalam pendidikan. Hal ini kerana pendidikan dalam Islam mempunyai acuan tersendiri dan

ianya ada hubungan dengan salah satu daripada nama Allah SWT iaitu Yang Maha Mengetahui (*al-‘Ilm*).

### **CABARAN PENDIDIKAN BERASASKAN QALBU DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Proses Pendidikan bermatlamat untuk membentuk insan luhur yang berguna kepada masyarakat dan negara (Ghazali Basri, 2017:116). Ia tidak hanya untuk membentuk sifat kewarganegaraan yang baik tetapi lebih memberi tumpuan ke arah melahirkan warganegara global yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan motivasi untuk menangani isu-isu kemanusiaan dan persekitaran (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017:2). Atas sebab itu, antara cabaran utama dalam usaha untuk mengupayakan konsep pendidikan berdasarkan hati dalam pembelajaran abad ke-21 ialah untuk menentukan hala tuju dan tujuan pendidikan itu sendiri.

Menurut Al-Attas (2010:13), Islam menetapkan tujuan dalam pendidikan adalah untuk menghasilkan seorang yang baik. Hal ini amat berbeza dengan tujuan pendidikan Barat yang hanya ingin melahirkan warganegara yang berkhidmat untuk kebaikan manusia, masyarakat dan negara.

Susulan itu, al-Kaylani (1988) menjelaskan bahawa proses pendidikan dan pentarbiyan ini mempunyai dua matlamat. Pertama, matlamat dan tujuan pendidikan (*al-Ahdaf al-Aghrad*) yang merangkumi tujuan dan matlamat akhir yang perlu dicapai melalui proses pendidikan yang meliputi semua peringkat termasuk individu, masyarakat dan antarabangsa; kedua, matlamat alat bantuan (*al-ahdraf al-wasail*) yang merangkumi wasilah dan segala alat yang diperlukan untuk mencapai *al-ahdraf al-aghrad*.

Kedua-dua bentuk matlamat ini adalah saling memerlukan bahkan tujuan dan matlamat pendidikan itu akan pincang tanpa salah satu dari keduanya. Namun, menurut al-Kaylani (1988:16), sistem pendidikan sedia ada hanya mengutamakan matlamat berdasarkan alat bantuan sehingga wujudnya golongan yang mendakwa bahawa matlamat dan tujuan pendidikan (*al-Ahdaf al-Aghrad*) itu akan menyekat kemajuan. Malah bagi al-Kaylani (1988), hakikat pendidikan yang mementingkan *wasail* semata-mata tidak akan membawa kepada tujuan asal pendidikan dan begitulah sebaliknya. Tujuan dan *wasail* yang terbaik adalah apa-apa yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Keduanya ialah penerapan nilai-nilai dan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK merupakan dokumen paling penting yang menjadi rujukan utama dalam membentuk matlamat dan tujuan pendidikan yang harus dicapai

melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan. Hal ini turut memperlihatkan betapa hasrat pendidikan di Malaysia ini bermula dari peringkat yang paling asas hingga ke peringkat yang paling tinggi iaitu suatu usaha yang berterusan untuk memperkembangkan potensi individu secara seimbang dan sepada berdasarkan prinsip kepatuhan dan ketaatan kepada Tuhan (Saiyah Naharani @ Aloi & Iblor Azli Ibrahim, 2014:113). Di samping itu, falsafah pendidikan ini memainkan peranan yang sangat penting kerana melalui falsafah munculnya matlamat-matlamat pendidikan, manajnya, tunjangnya, konsep dan kaedah pengajaran dan pembelajarannya dan begitu juga pada menilai natijah akhir dari pendidikan itu (Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2012:66).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melakukan beberapa anjakan dan transformasi dalam pendidikan melalui penggubalan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), Standard Guru Malaysia, dan sebagainya. Semua ini bermatlamat untuk melahirkan modal insan kelas pertama, pelajar yang seimbang dalam pembelajaran dan kurikulum, serta melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017:79).

Diakui bahawa, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan juga Falsafah Pendidikan Islam punya persamaan sehingga kedua-duanya dianggap menepati ciri dan kehendak dalam Islam (Nik Azis Nik Pa, 2014:4 ; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2013:25). Hal ini turut ditegaskan oleh Syed Othman al-Habshi dan Hasnan Hakim (2001:3) bahawa apa yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu amat berkait rapat dengan pembangunan dan perkembangan dunia Islam dan juga negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, apa yang berlaku seakan sebaliknya. Penghasilan modal insan melalui pendidikan kini seolah tidak punya kepatuhan dan ketaatan kepada Tuhan. Mereka hanya tertumpu untuk mengejar 'A' di dalam pelajaran tetapi jauh tertinggal dari sudut akhlak, adab dan tatasusila. Meskipun wujud apa yang dikatakan sebagai pendidikan nilai di dalam semua subjek yang diajar di sekolah, namun ia belum mendapat tempat yang baik sama ada dalam kalangan guru maupun pelajar sendiri untuk mengadaptasikan nilai-nilai itu ke dalam kehidupan sehari-hari (Abdul Rahman Md. Aroff, Asmawati Suhid & Nur Surayyah Madhubala Abdullah, 2008:67). Bahkan Hussein Haji Ahmad dan Mohammed Sani Ibrahim (2016:xxxvii) menyatakan bahawa falsafah pendidikan kebangsaan itu sendiri telah menggariskan keperluan untuk membentuk modal insan yang baik. Namun secara realitinya, masih

terdapat jurang yang ketara dari sudut pelaksanaannya dalam sistem pendidikan Malaysia terutamanya dalam hal yang berkaitan spiritual dan kerohanian.

Hakikat yang perlu dan harus diterima juga ialah tentang wujudnya golongan yang terpelajar tetapi terlibat dengan gejala sosial dan tidak sihat (Asmawati Hamzah, 2007:10). Kecenderungan untuk terlibat dengan gejala ketagihan dadah, ecstacy, minuman keras, pembuangan bayi dan lain-lain gejala tidak sihat yang melanda masyarakat kini tidak hanya tertumpu kepada mereka yang tercicir dalam bidang pendidikan tetapi juga mereka yang menjajakan kaki ke menara gading (Mohamad Abu Bakar Shis, 2010:8). Hal ini juga kerana, institusi pendidikan hari ini lebih menumpukan soal pemasaran pendidikan. Akibatnya, pendidikan menjadi bebas nilai (*value free*) dan hanya berorientasikan keduniaan semata-mata. Kesannya dapat dilihat bahawa orang yang berpendidikan dan berpelajaran tidak menjalani kehidupan yang beretika malah mereka cenderung mengabaikan kepercayaan agama, sikap moral dan lain-lain (Md Obaydul Hoque, Muhammad Shafi Uddin & Muhammad Nazmul Huda, 2015:37).

Tidak dinafikan bahawa kecemerlangan dalam peperiksaan adalah suatu perkara yang penting dan tidak boleh dipandang remeh (Nik Azis Nik Pa, 2014:11), tetapi perkara yang lebih aula ialah kecemerlangan dalam mencapai matlamat pendidikan itu sendiri iaitu melahirkan pelajar yang baik, dalam erti kata mereka cemerlang dalam aspek pembinaan adab dan akhlak islamiah. Pandangan yang sama turut disuarakan oleh Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin (2015:22). Suzalie Mohamad (2003) dalam Saiyah Naharani @ Aloi dan Ilnor Azli Ibrahim (2014:110) menegaskan pendidikan dalam Islam tidak hanya menilai kemampuan seseorang pelajar dari sudut menguasai kemahiran membaca, menulis, memahami dan sebagainya, tetapi ia bertujuan untuk menghubungkan maklumat yang diperoleh pelajar agar mereka memahami kedudukan mereka di dunia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Hal ini bertepatan dengan perkara yang dinyatakan oleh Dr. Siti Mistima Maat dari Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia bahawa apabila tumpuan hanya diberikan kepada pelajar yang punya potensi bilangan A terbanyak, maka akan berlaku kecinciran dan pengabaian terhadap mereka yang kurang cemerlang. Sewajarnya ini tidak berlaku kerana ia akan menunjukkan tidak berlakunya keseimbangan. Bahkan apakah jaminan terhadap kumpulan pelajar yang mendapat A mampu meneruskan kecemerlangan mereka hingga tamat pengajian di universiti (Utusan Malaysia, 6 September 2016). Seharusnya kecemerlangan itu dinilai secara menyeluruh, bukan sekadar pada 'A' sahaja. Kejayaan akademik perlu setara dengan kecemerlangan sahsiah, berfikiran kritis dan inovatif serta bertanggungjawab kepada

bangsa dan negara dan kegagalan dalam sesuatu peperiksaan bukanlah penamat kepada segala-galanya (Johari Hassan & Sutinah A. Safar, 2010:1).

Justeru hasrat pendidikan ialah untuk melahirkan insan yang seimbang dari sudut akademik dan sahsiah (Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, 2015:22), sama seperti hasrat falsafah pendidikan yang sudah dikira mampu untuk melahirkan insan yang seimbang, berilmu dan berakhhlak serta menjadi warganegara yang baik dan menyumbang kepada pembangunan negara (Syed Othman al-Habshi & Hasnan Hakim, 2001:6). Adakah ada sesuatu yang tertinggal dalam proses pendidikan dan pengajaran guru masa kini yang perlu kepada penambahbaikan dari sudut mengaplikasikan kepercayaan dan amalan dalam pengajaran? Tidakkah hubungan guru-pelajar atas faktor kurikulum dan mata pelajaran semata-semata belum mencukupi? Atau sebenarnya perlu kepada kaedah, pendekatan, teori pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai yang telah ditunjukkan dan dibuktikan melalui pendekatan *nabawi* yang mampu untuk melahirkan guru dan pelajar yang menganggotai masyarakat sebagai modal insan yang seimbang dunia dan akhirat? Melahirkan insan yang seimbang memerlukan pengaplikasian konsep yang bersepada dan holistik (Maimun Aqsha Lubis, 2015:59).

Pendidikan bersepada bermaksud pendidikan yang berpaksikan tauhid yang telah diamalkan sejak zaman Baginda Nabi SAW. Pendidikan bersepada yang mengutamakan hati ini tidak pernah terpisah dari konsep agama kerana kefahaman tentang insan dan ilmu tidak akan lengkap tanpa dokongan agama (Noor Hisham Md Nawi, 2015b:30).

Cabarannya seterusnya ialah cabaran berkaitan landasan teori dan psikologi pendidikan seperti kaedah dan pendekatan dalam pedagogi yang dicadangkan dan yang diterima pakai dalam pendidikan masa kini. Menurut (Nik Azis Nik Pa 2014:4), landasan teori dan psikologi pendidikan adalah sebahagiannya lebih mirip kepada sekularisme yang dipelopori oleh tokoh-tokoh barat. Begitu juga halnya dengan ilmu psikologi yang diajarkan di institusi-institusi pengajian tinggi termasuk di negara arab dan negara Islam lainnya adalah bersumberkan ilmu psikologi barat. Sebagai contoh, Von Glaserfeld mempelopori kaedah pembelajaran secara konstruktivisme yang berlandaskan falsafah pragmatisme, Benjamin Bloom dengan pembelajaran masterinya yang berlandaskan psikologi behaviourisme dan Horward Gardner yang popular dengan teori kecerdasan pelbagai yang berlandaskan asas biologi dan budaya (humanisme sekular).

Landasan psikologi memang tidak dapat dipisahkan dari dunia pendidikan terutama apabila seseorang guru ingin tampil dengan sesuatu yang menarik dan memberi kefahaman kepada para pelajarnya, maka penguasaan terhadap ilmu psikologi sangat

diperlukan oleh seseorang guru (Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2006:302; Taufiq, 2014:2).

Sungguhpun demikian, bagi Nik Azis Nik Pa (2014:7), ia tidak boleh diterima bulat-bulat kerana psikologi dalam budaya barat punya takrifan yang jauh berbeza dengan takrifan psikologi menurut keilmuan Islam. Menurut Charles G. Morris dan Albert A. Maisto (2005:4), Psikologi bermaksud kajian tentang proses mental dan pemikiran dan apa-apa yang berhubungan dengan perilaku manusia. Manakala Psikologi menurut budaya keilmuan Islam diertikan sebagai kajian tentang jasad dan roh yang saling berhubungan untuk menjalani kehidupan dunia ini (Nik Azis Nik Pa, 2014:7). Tambahan pula, pada peringkat awal lagi, psikologi di Barat tidak berminat dalam perbincangan pada tubuh manusia tetapi sebaliknya memberi tumpuan kepada entiti jiwa yang terperangkap dalam tubuh manusia. Di samping itu, ahli psikologi memberi perhatian lebih kepada fenomena kognitif seperti ingatan, kecerdasan dan persepsi yang semuanya berkaitan dengan jiwa manusia (Mohd Abbas Abdul Razak & Nik Ahmad Hisham, 2012:158).

Begitu juga halnya dengan teori pembelajaran yang digunakan para guru dan pensyarah. Umumnya, terdapat empat teori pembelajaran lazim yang sering digunakan. Malah teori-teori ini telah mengukuh dan sering dipraktikkan oleh pendidik sejak zaman berzaman. Teori pembelajaran lazim yang empat itu ialah behavioris, kognitif, humanistik dan konstruktif (Nor Hanani Ismail, 2016:3). Ia merupakan suatu pendekatan dalam menerima ilmu pengetahuan. Ia juga dirujuk sebagai satu rangka perkataan yang menjurus kepada pembelajaran dan telah diuji secara empirikal (Nor Hanani Ismail, 2016:3).

Kebergantungan yang keterlaluan terhadap budaya dan apa juar yang datang dari Barat yang dijelmakan dengan wajah kemodenan dan kemajuan inilah yang sebenarnya banyak memesong dan menimbulkan kesusahan kepada seluruh umat Islam dalam dunia (Sharifah Hayaati Syed Ismail, 1999:52). Sedangkan amat jelas bahawa tasawur dan epistemologi Barat amat tidak bertepatan dan tidak selari dengan tasawur dan epistemologi Islam (Nor Hanani Ismail, 2016:11) kerana tasawur dan epistemologi Barat terhasil daripada pemikiran Barat (Mohd. Shukri Hanapi, 2012:16).

Begitu juga dengan cabaran dalam usaha untuk mengembalikan wajah pendidikan berteraskan Islam yang merupakan satu tuntutan mendesak (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2013:33). Hal ini kerana sejak sekian lama dunia pendidikan di negara-negara umat Islam terjajah dengan pemikiran Barat. Yang lebih penting, dunia pendidikan dan akademik hari ini berdasarkan konsep pendidikan Barat yang

turut membekalkan buku teks, kurikulum dan sains berwajah Barat dengan penampilan isi kandungan yang diurus oleh mereka-mereka yang mendapat pendidikan dari Barat (al-Migdadi, 2011:6). Begitu juga halnya dengan sistem *dualisme* dalam pendidikan. Dualisme pendidikan dalam negara berlaku sejak pendidikan agama dikembangkan secara terpisah oleh sistem pendidikan moden yang dibawa oleh penjajah (Noor Hisham Md. Nawi, 2015b:22). Malah al-Migdadi (2011:7) menegaskan dualisme ini adalah tinggalan penjajah yang terus meruntun negara-negara umat Islam hingga kini.

Selain itu, terdapat juga keperluan kepada kaedah dan pendekatan pengajaran-pembelajaran Islam yang betul. Allah SWT telah menyediakan dua alat penting dalam pengajaran-pembelajaran, yakni akal dan hati. Namun di antara keduanya, penekanan dan penggunaan minda pada masa kini nampaknya begitu dominan hatta dalam sistem pendidikan Islam itu sendiri dan pada masa yang sama, penggunaan hati tidak diendahkan (Muhammad Syukri Salleh, 2013b:8).

Oleh sebab itu, membentuk pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber *manhaj nabawi* yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagai role model dalam membentuk dan mendidik para sahabat perlu menjadi keutamaan agar proses pendidikan tidak sekadar menyantuni akal semata-mata, tetapi turut memberi penerapan terhadap aspek kerohanian dengan mengamalkan pendekatan berasaskan qalbu melalui amalan kerohanian (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2013:33 ; al-Ghazali, 1990:24).

## **HARAPAN PENDIDIKAN BERASASKAN QALBU DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Sejajar dengan aspirasi murid untuk membentuk etika dan kerohanian iaitu rakyat Malaysia perlu mempunyai integriti dan prinsip akhlak yang baik serta memiliki keimanan yang tinggi terhadap Allah SWT. Harapan untuk melihat sistem pendidikan di Malaysia ini benar-benar bersifat holistik dan mengutamakan pencapaian secara menyeluruh merupakan satu usaha yang perlu disusuli dengan perancangan yang rapi.

Salah satu usahanya ialah melalui proses penerapan pendekatan pendidikan berasaskan qalbu. Melalui pendekatan ini, hati yang telah terdidik dan terasuh dengan ilmu telah menjadi bersih melalui proses *tazkiyah al-nafs* yang menati jahkan hubungan yang baik dengan Allah SWT dan manusia (Said Hawwa, 1995:2). Hati yang bersih ini akan memimpin seseorang itu untuk selamat dari sebarang keinginan

dan kehendak yang *mukhalafah* dengan perintah dan juga larangan Allah SWT (al-Jawziyyah, 2015:37).

Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran berteraskan Islam menuntut penjagaan hati dengan teliti supaya ia dapat menghindarkan hati dari dicemari sifat-sifat keji seperti hasad, ujub, riyak, takbur dan sebagainya kerana sifat-sifat itu akan melemahkan hati dan menyekat ilmu dari sampai ke hati (Muhammad Syukri Salleh, 2003:27). Hati yang terhindar dari segala sifat keji ini tidak akan tunduk melainkan hanya kepada Allah SWT (al-Jawziyyat, 2015:37).

Dapat difahami di sini bahawa, antara perkara yang merosakkan hati itu ialah tiadanya keikhlasan. Maka guru dan pelajar kedua-duanya harus memiliki sifat ikhlas agar ilmu yang ingin disampaikan guru dan yang akan diterima pelajar benar-benar lahir dari hati dan terus ke hati. Ibn Qudamah (1991:21) menegaskan bahawa, seseorang pelajar itu harus mengutamakan pembersihan hati dan jiwa dari terlibat dengan kebejatan akhlak dan sifat *mazmumat*. Hal ini kerana ilmu itu merupakan ibadah hati dan apabila hati tidak bersih, ia akan menyekat ilmu dari sampai ke hati (Mohd Shukri Hanapi, 2013:33).

Demikian juga penegasan Ibn Qudamat (1991:23) terhadap para guru bahawa mereka harus mendidik dengan hanya meletakkan sepenuhnya balasan dan ganjaran dari Allah SWT, bukan yang lainnya dan yang penting para guru ini mempraktikkan apa yang diucapkan (Ibn Qudamat, 1991:24). Hal ini bertepatan dengan apa yang telah disabdakan oleh Baginda SAW dalam sebuah hadith yang bermaksud:

*"Barangsiapa mempelajari ilmu (agama) yang diharapkan hanya kerana Allah Ta'ala, tetapi ia tidak mempelajarinya kecuali untuk mendapatkan kesenangan dunia maka ia tidak akan menemukan bau syurga"* (Abu Dawud, No. Hadith 3664).

Seterusnya, hati juga hendaklah dijaga dengan sebaik mungkin daripada dicemari sifat terkeji kerana sifat terkeji ini akan menyekat sesuatu ilmu daripada sampai ke hati (Mohd Shukri Hanapi, 2013:33). Ilmu Pengetahuan harus terikat pada hati, bukan terlekat pada akal. Ilmu harus diamalkan dan dorongan mengamalkan ilmu datang dari hati, bukan akal (Muhammad Syukri Salleh, 1987:23). Hati juga merupakan tempat membina kasih sayang dan akhlak. Hati tiada tempat dalam pengajaran dan pembelajaran yang dipelopori Barat, jauh sekali untuk menepati pendekatan pengajaran dan pembelajaran berteraskan Islam. Maka pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan qalbu sepatutnya diberi keutamaan (Nor Hanani Ismail, 2016:16).

## KESIMPULAN

Pendidikan berasaskan qalbu merupakan satu strategi dan pendekatan yang bersifat holistik dan berpaksi kepada wahyu. Ia mengutamakan hati sebagai alat dalam penyampaian dan penerimaan ilmu. Penerapan pendekatan pendidikan berasaskan qalbu ini dalam pembelajaran abad ke-21 mampu memberikan nilai tambah terhadap sistem pendidikan sedia ada, bahkan pendidikan berasaskan qalbu ini mampu membawa hasrat FPK ke arah melahirkan masyarakat dan warganegara yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berasaskan keimanan kepada Allah SWT. Hal ini juga adalah kerana, pendidikan berasaskan qalbu berupaya untuk menghubungkan tiga dimensi hubungan manusia iaitu hubungan manusia dengan Pencipta yakni Allah SWT, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam. Kemajuan yang ingin dicapai oleh sesebuah negara tidak harus hanya tertumpu pada soal pembangunan fizikal dan ekonomi semata-mata, malah dalam semua aspek merangkumi pendidikan, politik, sosial, spiritual, psikologi, dan budaya. Pendidikan berasaskan qalbu seharusnya diangkat untuk menjadi agenda utama pendidikan untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai satu pendekatan yang holistik dan menyeluruh ke arah mencapai matlamat dan tujuan pendidikan yang membawa ke arah redha Allah SWT.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Abdullah. (2015). Teruskan Amalan Pendidikan Abad ke-21 untuk Kejayaan Berterusan. <https://educ.utm.my/halim/teruskan-amalan-pendidikan-abad-ke-21-untuk-kejayaan-berterusan/>.
- Abdul Rahman Md. Aroff, Asmawati Suhid & Nur Surayyah Madhubala Abdullah. (2008). Kepercayaan dan Amalan Guru Berdasarkan Prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam Wan Zah Wan Ali & Tajularipin Sulaiman (pnyt), *Pendidikan di Sekolah: Isu dan Cabaran*. (54 - 75) Universiti Putra Malaysia.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 2: 77-88

- Al-Migdadi, Mahmoud Hamid (2011). Issues in Islamization of Knowledge, Man and Education. *Revue Académique des Études Sociales et humaines*. no 7. p 3- 16.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah Dalam Pendidikan Islam: Hala tuju dan cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5 (2). pp 15 – 24.
- Charles G. Morris & Albert A. Maisto (2005). *Psychology An Introduction*. Pearson Prentice Hall. New Jersey.
- Faridah Che Husain & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2006). Pendekatan Psikologi Dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan Dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 17 (290 - 306)
- Ghazali Basri (2017), *Pendidikan Islam: Huraian Konsep dan Aplikasi*. Selangor : Institut Darul Ehsan.
- Hussein Haji Ahmad & Mohammed Sani Ibrahim (2016). *Transformasi Pendidikan Nasional: Antara Aspirasi dan Anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Johari Hassan & Sutinah A. Safar (2010). *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia*, Skudai. pp. 1-8. (Unpublished)
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2013). *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Maimun Aqsha Lubis (2015). Effective implementation of the integrated Islamic education. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5 (1), 59-68.
- Md Obaydul Hoque, Muhammad Shafi Uddin & Muhammad Nazmul Huda (2015). Reviewing Curriculum of Islamic Education Institutions: A case of Malaysia. *Journal Of Islam, Law And Judiciary. Volume 1, Issue 4*, (35-54).
- Mohd Abbas Abdul Razak & Nik Ahmad Hisham (2012). *Islamic psychology and the call for Islamization of modern psychology*. *Journal of Islam in Asia*, 9 (1). pp. 156-183.
- Mohd Shukri Hanapi (2012). Tasawur Pembangunan Dalam Al-Qur'an: Kajian Tafsir Al-Mawdu 'iy.
- Mohd Shukri Hanapi (2015). Pembangunan Beracuankan Tasawur Islam, Dewan Tamadun Islam, Jun, Bil. 06, ISSN 2289-2893. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), hlm. 58-61.
- Muhammad Syukri Salleh (2003). *Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Universiti Sains Malaysia: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Nik Azis Nik Pa (2014). Memaknai Konsep 'Ta'dib' Dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Menengah Di Malaysia : Cabaran Tranformasi. Dalam

- Muhammad Lukman Ibrahim, Shamsiah Mohamad, Asyraf Isyraqi Jamil, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Mohd Anuar Mamat (pnyt), *Pendidikan Islam Di Malaysia : Cabaran dan Penyelesaian.* (1 – 22). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Noor Hisham Md Nawi (2015b). *Perjuangan Pendidikan : Dari Kesepadan Ke Islamisasi.* Kelantan : Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nor Hanani Binti Ismail (2016). Teori Pembelajaran Lazim: Analisis Daripada Perspektif Islam. *Seminar Islam Dan Kelestarian Ummah Peringkat Serantau* (SIDKUN 2106), At Pusat Islam, UUM.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mohd Isa Hamzah & Ab Halim Tamuri (2014). Kesan Kepercayaan Epistemologi Islam Terhadap Pembentukan Konsep Kendiri Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5 (2). pp 15 – 24.
- Saiyah Naharani @ Aloi & Ilnor Azli Ibrahim (2014). Islam Dalam Dasar Pendidikan Negara di Malaysia. *Prosiding Kongres Pendidikan Melayu Peringkat Kebangsaan.* Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (106 - 118)
- Sharifah Hayaati Syed Ismail (1999). Tinjauan Falsafah Pragmatisme Dari Aspek Pemikiran Politik Perbandingan. *Jurnal Syariah* 7:2 (49-62)
- Syed Othman al-Habshi & Hasnan Hakim (2001). Dasar dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Dibentangkan di *Kongres Pendidikan Melayu* di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, pada 1 – 2 September 2001.
- Tuan Naufal Tuan Khaled (2017). Apakah Pendidikan Abad Ke-21. <https://www.sistemguruonline.my/2017/03/pendidikan-abad-ke-21.html>
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin (2015). Kajian Kes Perbezaan Jantina Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Pelajar. *Academia Journal UiTM Terengganu* Volume 4 Issue 1.